

22/12/1999

Pas perlu mohon semula pinjaman

KERAJAAN Kelantan diminta mengemukakan permohonan baru kepada Kerajaan Pusat berhubung pinjaman mudah untuk membiayai projek skim bekalan air di negeri itu.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, berkata permohonan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berhubung pinjaman itu sudah dipertimbangkan oleh Kabinet tetapi tergendala kerana kesibukan menghadapi pilihan raya umum lalu.

"Selepas Menteri Besar Kelantan memohon kepada Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengenai pinjaman itu, ia telah dibangkitkan dan dibincangkan oleh jemaah menteri.

"Selepas itu, ada pilihan raya umum. `Peperangan' (pilihan raya) baru selesai. Saya percaya (kerajaan Kelantan) perlu mohon semula dan jelaskan masalah," katanya menjawab dakwaan Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Noor kononnya Kerajaan Pusat memungkiri janji untuk membiayai pinjaman mudah itu.

Fadzil (Pas-Pendang) ketika membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (1999) (No.2) 1999, mendakwa Kelantan tidak pernah diperuntukkan pinjaman itu kerana "sehingga semalam, satu sen pun tidak disalurkan."

Samy Vellu menjelaskan, apa yang berlaku ialah sebelum permohonan dibuat oleh Nik Abdul Aziz, projek penswastaan bekalan air antara kerajaan Kelantan dengan Thames Water dari United Kingdom tidak dirujuk kepada Kerajaan Pusat dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

"Aturan-aturan sudah disediakan kerajaan iaitu mana-mana satu kerajaan yang berminat menjalankan projek penswastaan, kita tiada halangan.

"Tetapi perkara itu perlu dirujuk balik kepada EPU dan selepas itu, kita boleh beri kelulusan dalam masa perbincangan. Pada masa itu tiada perbincangan," katanya.

Samy Vellu berkata, apa yang dikhuatirinya nanti, rakyat akan menganggap kerajaan sengaja membeza-bezakan negeri-negeri yang dikuasai pembangkang.

"Rakyat mungkin ingat Kerajaan Pusat tak bagi apa-apa. Dari kementerian saya misalnya, beberapa juta ringgit disalurkan ke Kelantan untuk membaiki jalan. Saya percaya lebih baik kita hapuskan salah faham ini," katanya.

Fadzil yang masih enggan mengalah kemudian mendakwa, Kerajaan Pusat masih belum menjelaskan bayaran wajib RM47 juta yang diperuntukkan oleh Perlembagaan kepada kerajaan Kelantan tahun ini.

"Saya difahamkan sehingga dua tiga hari ini, Kerajaan Pusat masih belum menjelaskan bayaran wajib ini," katanya.

(END)